

MAKLUMAT PRODUK (LABEESITY 125MG)

<p>Apa itu LABEESITY®?</p>	<p>LABEESITY® ialah produk pertama & satu-satunya yang berasaskan <i>Labisia pumila</i> (Kacip Fatimah) yang terbukti secara saintifik untuk penurunan berat badan secara sihat untuk lelaki dan wanita.</p> <p><i>Labisia pumila</i>, atau Kacip Fatimah, ialah sejenis pokok di Asia Tenggara yang didapati di kawasan tanah rendah dan hutan bukit di Malaysia. Ia telah digunakan secara turun-temurun sebagai perubatan tradisional Melayu selama lebih 400 tahun.</p>	<p>Manfaat LABEESITY®</p>	<p>Penurunan Berat Badan Secara Sihat untuk Lelaki & Wanita Tiada kesan sampingan (tiada cirit-birit, tiada muntah-muntah, tiada sakit kepala, tiada denyutan jantung yang laju, tiada mulut/bibir kering) dan tidak mengandungi stimulan/perangsang (seperti kafein).</p> <p>Pengurangan lemak visera (lemak di perut), pembuangan air besar lebih lawas, dan jalan penyelesaian penurunan berat badan yang lebih mampan.</p> <p>Meningkatkan Kecergasan & Perangsang Tenaga Peningkatan dalam daya hidup dan tenaga untuk aktiviti harian anda.</p> <p>Antioksidan dan Anti-Keradangan Melindungi daripada radikal bebas. Mencegah penuaan pra-matang, memperbaiki kondisi kulit, dan mengurangkan keradangan di dalam badan.</p> <p>Menguatkan & Mengukuhkan Otot Badan Menguatkan dan mengukuhkan otot abdomen melalui pengurangan lemak visera (lemak di perut).</p> <p>Faedah-faedah dan kebaikan lain Kacip Fatimah juga telah digunakan sebagai ubat tradisional untuk meningkatkan kesihatan luaran & dalaman wanita, untuk kesihatan reproduktif dan mengatasi gangguan masalah haid, untuk wanita selepas bersalin (post-partum) dan untuk wanita pra/pasca-menopaus. Ia juga digunakan secara tradisional oleh lelaki di Sarawak untuk mengekalkan dan meningkatkan stamina mereka, untuk meningkatkan libido dan mengatasi masalah infertiliti atau kemandulan.</p>
<p>Kenapa LABEESITY®?</p>	<p>LABEESITY® ialah 100% Ekstrak Herba SemulaJadi diperbuat daripada <i>patent pending Standardised Kacip Fatimah Extract (SKF7™)</i> dengan minimum 4.5% Asid Gallik (<i>Galllic Acid</i>). Kajian telah menunjukkan bahawa Asid Gallik menggalakkan penurunan berat badan, kaya dengan antioksidan, dan mengandungi ciri-ciri anti bakteria dan anti keradangan.</p> <p>LABEESITY® telah menunjukkan pengurangan ketara dalam peratusan berat badan, indeks jisim badan (BMI), dan lemak visera (lemak perut) dalam kajian pra-klinikal yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia (USM). Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa LABEESITY®:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghalang penyimpanan lemak • Merencat sel-sel lemak daripada membesar • Menghalang lemak pemakanan daripada diserap • Pengawal selera makan 	<p>Cadangan Penggunaan</p>	<p>Jika anda belum pernah mengambil LABEESITY® ataupun ekstrak Kacip Fatimah, untuk 3 atau hingga 5 hari pertama, ambil satu (1) kapsul LABEESITY® 125mg dua kali sehari selepas makan. Untuk hari-hari selanjutnya, ambil dua (2) kapsul selepas makan dua kali sehari untuk hasil yang lebih baik.</p> <p>Sila rujuk ahli farmasi / doktor anda sebelum mengambil produk ini. Kontraindikasi terhadap wanita hamil. Data yang tidak mencukupi pada wanita yang menyusukan anak.</p>
<p>Keunikan LABEESITY® Ekstrak Terpiawai Kacip Fatimah (SKF7™)</p>	<p>LABEESITY® mengandungi Ekstrak Herba Terpiawai SKF7™, dimana sebatian aktifnya adalah konsisten dalam setiap kapsul untuk memastikan ia berkualiti, berkesan dan selamat.</p> <p>Setiap kapsul LABEESITY® dipiawai pada minimum 4.5% Asid Gallik, yang juga merupakan salah satu sebatian semulajadi aktif di dalam herba Kacip Fatimah (<i>Labisia pumila</i>). Terdapat pelbagai sebatian semula jadi yang bertindak secara sinergistik untuk membantu penurunan berat badan dan faedah-faedah lain di dalam ramuan ekstrak proprietari SKF7™ kami.</p> <p>Dengan menggunakan teknologi kami yang dinamakan PhytoProfile™, sekurang-kurangnya 7 penanda-bio disaring dan diprofilkan pada setiap <i>batch</i> LABEESITY® untuk memastikan ketekalannya (konsistensi). Berbeza dengan produk penurunan berat badan yang lain,</p> <p>LABEESITY® tidak mempunyai kesan sampingan negatif seperti cirit-birit, muntah-muntah, sakit kepala, kadar denyutan jantung yang laju, atau kekeringan dikawasan mulut/bibir dan tidak mengandungi stimulan/perangsang (seperti kafein).</p>	<p>Pengalaman Pengguna</p>	<p>Walaupun LABEESITY® tidak mempunyai sebarang kesan sampingan yang negatif, keberkesanannya juga mungkin berbeza-beza dari seorang ke seorang yang lain. Anda boleh mencapai penurunan berat badan yang anda inginkan dengan LABEESITY® tanpa mengubah gaya hidup secara mendadak (berkaitan pengambilan makanan biasa dan aktiviti harian).</p> <p>Walau bagaimanapun, ia adalah penting untuk memantau kesannya kepada anda. Untuk hasil yang lebih cepat dan peningkatan kecergasan badan & kesejahteraan, ambil LABEESITY® setiap hari beserta membiasakan aktiviti senaman dan mengambil makanan yang sihat dengan mengurangkan karbohidrat terhalus (<i>refined</i>) (seperti gula, roti putih, dan lain-lain) dan mengurangkan makanan bergoreng dan yang diproses.</p> <p>Sesetengah pengguna mungkin mengalami reaksi awal seperti sendawa, pembuangan angin dan/atau pembuangan air besar yang lebih lawas. Sebagai garis panduan am, tingkatkan pengambilan air anda kepada sekurang-kurangnya 8 hingga 12 gelas sehari (1.9-2.8 liter sehari) apabila mengambil LABEESITY®.</p> <p>Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai penggunaan produk ini, sila E-mel atau hubungi kami melalui Nombor Talian Careline kami seperti yang tertulis di bawah.</p>
<p>Bagaimana LABEESITY® bertindak?</p>	<p>LABEESITY® bertindak secara sinergistik dalam pelbagai cara untuk menyokong matlamat penurunan berat badan anda :</p> <p>Menghalang penyimpanan lemak di dalam badan: Menghalang pengumpulan dan pembentukan lemak dalam badan melalui perencatan aktiviti adipogenesis.</p> <p>Merencat Sel-Sel lemak daripada membesar: Menghalang perkembangan dan pertumbuhan sel-sel lemak dengan merencat saluran pembuluh kepada tisu lemak atau adipose.</p> <p>Menghalang lemak pemakanan daripada diserap: Menghalang separa lemak yang dimakan daripada diserap melalui cara perencatan sebahagian enzim pancreatic lipase.</p> <p>Pengawal selera makan: Mengawal selera makan anda menyebabkan pengurangan pengambilan makanan atau pengurangan jumlah kalori seharian.</p>	<p>Maklumat Nutrisi</p>	<p>Setiap Kapsul Mengandungi: 125mg Ekstrak Terpiawai Kacip Fatimah (SKF7™) (Seluruh bahagian <i>Labisia pumila</i>) minimum 4.5% Asid Gallik Bahan-bahan lain: Kapsul sayur-sayuran, Maltodextrin</p>
<p>Butir-Butir Hubungan : Laman Web: www.labeesity.com.my E-Mel: info@orchidlife.com.my Talian Khidmat Careline: +603-55235161</p>	<p>Hak Cipta © Orchid Life Sdn Bhd 2016. Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada dokumen ini boleh dihasilkan semula, diterbitkan, diedarkan, dipaparkan, dilaksanakan, disalin atau disimpan untuk kegunaan awam atau swasta dalam mana-mana system dapatan semula maklumat, atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa-apa proses mekanikal, fotografi atau elektronik, termasuk secara elektronik atau digital pada Internet atau World Wide Web atau Aplikasi Pesanan, atau ke atas manamana rangkaian atau rangkaian kawasan tempatan, tanpa kebenaran bertulis daripada Orchid Life Sdn Bhd.</p> <p>Tiada bahagian daripada dokumen ini boleh diubah suai atau diubah atau dieksploitasi dalam apa-apa cara yang digunakan untuk kerja-kerja terbitan, atau ditawarkan untuk jualan, atau digunakan untuk membina apa-apa jenis pangkalan data atau</p>	<p>Kaedah Penyimpanan</p>	<p>Jauhi dari Kanak-Kanak Simpan di bawah 30° Celcius Lindungi daripada cahaya dan kelembapan</p>